

AeU lahir guru prasekolah bertauliah

» Sesuai tuntutan semasa, sedia pendidikan terbaik buat kanak-kanak

Kerjaya sebagai guru prasekolah atau guru taman asuhan kanak-kanak (TASKA) dan taman bimbingan kanak-kanak (TABIKA) adalah profesion yang semakin mendapat perhatian di kalangan belia di bandar mahupun dari luar bandar.

Jika dulu ia adalah profesion yang dipandang sepi ekoran bawahan yang kurang lumayan dan status kerjaya yang kurang popular, kini penerimaan terhadap profesion guru prasekolah adalah semakin baik.

Kesedaran ibu bapa dalam memastikan anak mereka menghadiri prasekolah semakin meningkat dan ada antaranya mula ditempatkan di prasekolah seawal umur empat tahun.

Tumbuh baji cendawan selepas hujan

Bandar besar seperti Kuala Lumpur sebagai contoh memiliki lebih 149 TASKA yang berdaftar (sehingga Januari 2013). Jumlah itu tidak termasuk TASKA moden seperti Islamic Montessori yang tumbuh dengan pesatnya atas keperluan semasa bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang sanggup berbelanja lebih bagi memastikan anak mendapat pendidikan sewajarnya.

Secara dasarnya, kos bagi menghantar seorang anak menghadiri prasekolah di bandar adalah antara RM200 hingga RM800 setiap bulan bergantung kepada jenis prasekolah dan kawasan penempatan. Ini tidak termasuk caj kelas tambahan seperti kelas bahasa ketiga dan kelas kemahiran khusus yang diadakan selepas waktu kelas biasa.

Dengan berlakunya pertambahan TASKA, keperluan terhadap tenaga pengajar juga turut meningkat dan ia datang dengan permintaan ibu bapa yang semakin cerewet. Sebagaimana mereka sanggup berbelanja, mereka juga mahu memastikan tenaga pengajar adalah daripada mereka yang mempunyai kelayakan atau bertauliah.

Wujud guru prasekolah bertauliah

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Oktober 2012 menyatakan bahawa hanya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan guru prasekolah swasta adalah guru yang bertauliah. Baki 97 peratus lagi belum memiliki sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Berdasarkan NKRA Pendi-

INFO

Asia e University (AeU)

© AeU adalah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada 2007 dan disokong oleh 32 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD).

© Pada 16 Oktober 2012, pada sidang kemuncak ACD yang berlangsung di Kuwait, AeU telah diumumkan sebagai projek ACD paling berjaya pernah dilaksanakan.

© AeU komited membuka peluang pendidikan secara meluas di kalangan warga bekerja sebagai memenuhi agenda negara membangunkan modal insan berkualiti dan menyediakan program yang relevan dengan kehendak industri seiring perkembangan ekonomi di peringkat nasional dan juga global.

© Ketika ini, AeU menawarkan lebih 30 program pengajian yang dilulus dan diiktiraf Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia.

© Untuk maklumat lanjut berkenaan AeU, layari www.aeu.edu.my atau hubungi talian bebas tol 1-300-300-238.

kan, pada 2012 terdapat pertambahan 200,000 pelajar prasekolah dan jumlah itu dijangka akan terus meningkat pada tahun berikutnya.

Hal ini menunjukkan bahawa lebih ramai guru prasekolah bertauliah diperlukan. Beberapa universiti dan kolej mula memperkenalkan kursus berkaitan, termasuk Asia e University (AeU) yang menyediakan program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Graduate Diploma in Early Childhood Education (GDipECE)).

Program yang memulakan pengambilannya pertama pada Mei 2012 ini kini mempunyai 50 pelajar dan menjangkakan jumlah berkecimpung bakal meningkat kepada 100 pelajar menjelang pengambilannya Januari 2014.

Menurut Pensyarah Kanan School of Education and Cognitive Sciences (SECS), Noryati Alias, aspek kelayakan dalam pengajaran di sekolah adalah sesuatu yang kritis dan ia adalah titik tolak dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti.

"Kesedaran umum tentang perlunya pengiktirafan khusus terhadap bidang kemahiran guru telah membawa kepada pengenal program khas pendidikan, termasuk kepada guru prasekolah. Ia lebih kritikal di mana pada usia sekitar empat tahun hingga enam tahun, kanak-kanak mula untuk membentuk identiti dan kecenderungan mereka.

"Peranan dan pengetahuan guru adalah penting bagi mem-



Pelajar mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak.

tikan pelajar cilik ini berada pada landasan yang betul," katanya.

Kursus bertepatan

Sepanjang pengajian GDipECE, pelajar akan diberi pendedahan kepada 18 subjek yang dipilih khas bersesuaian dengan keperluan pendidikan kanak-kanak di peringkat prasekolah. Antara subjek yang diajar adalah Psikologi Pendidikan, Bahasa dan Sastera untuk Kanak-Kanak, Kesihatan, Nutrisi dan Keselamatan Kanak-Kanak, Seni Kreatif juga Muzik dan Pergerakan.

Semua 18 subjek itu perlu diikuti pelajar sepanjang

dua tahun pengajian. Kesesuaian subjek yang dipelajari diakui oleh Nor Faras Izani Tajuddin, 31, pelajar semester ketiga GDipECE.

"Selaku guru yang telah 10 tahun berkecimpung dalam pendidikan prasekolah, saya dapat sesi pembelajaran di AeU adalah berkenaan praktikaliti iaitu subjek yang diajar adalah apa yang selalu dipraktikkan secara nyata di dalam kelas.

"Kini, komunikasi dengan murid menjadi semakin mudah dan menyeronokkan. Masa yang diberikan sangat fleksibel dan membolehkan saya membahagi masa untuk pengajian, pekerjaan dan keluarga," katanya yang mengajar di sebuah TASKA antarabangsa di Permas Jaya, Johor.

Tenaga pengajar yang mahir AeU menetapkan syarat yang ketat dalam memilih tenaga pe-

ngajar dalam mana-mana program yang ditawarkan. Majoriti fasilitator akademik di AeU adalah mereka yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang akademik serta bidang kemahiran masing-masing. Piawaian itu diwujudkan bagi memastikan graduan AeU diberi pendedahan sebenar mengenai realiti dan keperluan program yang mereka ikuti serta relevan dengan keperluan semasa.

Keberkesanan pemilihan fasilitator akademik yang berkualiti membantu Punithavathy Kupa-

samy, 39. Dalam memahami bidang pendidikan dan Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) AeU, Prof Dr John Arul Philips, peningkatan jumlah guru yang memilih untuk belajar di AeU membuatkan bahawa universiti ini menawarkan sesi pembelajaran yang fleksibel dan praktikal sebagaimana dikehendaki para guru.

"Saya amat memahami kegunaan yang dihadapi oleh mereka seperti komitmen di tempat bekerja atau keluarga. Pengajian yang fleksibel memudahkan mereka untuk menjalankan tugas dan belajar pada waktu yang sama tanpa mengabaikan kedua-duanya," tambahnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembelajaran dimuat naik lebih awal dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana juga melalui laman sesawang khas yang dinamakan Personalised Learning Space (PLS). Melalui PLS, guru turut boleh berhubung sesama mereka mahupun bersama fasilitator akademik secara dalam talian.

Guru turut diberi ruang untuk mengajukan sebarang kemusykilan melalui pertemuan bersemuka dengan fasilitator akademik, yang diadakan selama 10 jam di sepanjang semester. Kaedah teradun ini diyakini akan menjadikan pembelajaran lebih mudah buat para guru.

praktikkan dalam pemilihan penyelia tesis pelajar.

Pembelajaran teradun yang fleksibel dan praktikal

Sebagai sebuah universiti yang membawa aspirasi Pendidikan Diperibadikan, AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teradun. Ia adalah kaedah pembelajaran melalui tiga cara iaitu melalui Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung dalam Talian dan Pengajian Bersemuka.

Menurut Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) AeU, Prof Dr John Arul Philips, peningkatan jumlah guru yang memilih untuk belajar di AeU membuatkan bahawa universiti ini menawarkan sesi pembelajaran yang fleksibel dan praktikal sebagaimana dikehendaki para guru.

"Saya amat memahami kegunaan yang dihadapi oleh mereka seperti komitmen di tempat bekerja atau keluarga. Pengajian yang fleksibel memudahkan mereka untuk menjalankan tugas dan belajar pada waktu yang sama tanpa mengabaikan kedua-duanya," tambahnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembelajaran dimuat naik lebih awal dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana juga melalui laman sesawang khas yang dinamakan Personalised Learning Space (PLS). Melalui PLS, guru turut boleh berhubung sesama mereka mahupun bersama fasilitator akademik secara dalam talian.

Guru turut diberi ruang untuk mengajukan sebarang kemusykilan melalui pertemuan bersemuka dengan fasilitator akademik, yang diadakan selama 10 jam di sepanjang semester. Kaedah teradun ini diyakini akan menjadikan pembelajaran lebih mudah buat para guru.